Soalan Lazim

Bank Negara Malaysia (BNM)-Bank Indonesia (BI)
Perluasan Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan Ringgit-Rupiah

1. **Apakah Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan Ringgit-Rupiah dan apakah tujuannya?**
    - Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan Ringgit-Rupiah (Rangka Kerja) merupakan pengaturan dua hala antara BNM dengan BI bagi memudahkan penggunaan mata wang tempatan, iaitu ringgit dan rupiah. untuk penyelesaian kegiatan ekonomi rentas sempadan antara Malaysia dengan Indonesia.
    - Rangka Kerja ini bertujuan untuk memberikan lebih fleksibiliti dan meningkatkan kecekapan kepada perniagaan, pelabur dan individu bagi mendapatkan dan menguruskan rupiah di Malaysia dan ringgit di Indonesia untuk penyelesaian perdagangan dua hala, pelaburan langsung, pendapatan dan pindahan.[1]

2. **Apakah ciri-ciri utama Rangka Kerja ini?**
    - Perniagaan dan individu di Malaysia dan Indonesia boleh mendapatkan pelbagai perkhidmatan kewangan dalam denominasi rupiah atau ringgit seperti lindung nilai pertukaran asing, pembiayaan, akaun deposit dan fleksibiliti dasar pertukaran asing lain daripada bank-bank yang dilantik di kedua-dua negara.

3. **Apakah bidang utama perluasan Rangka Kerja ini?**
    - **Perluasan transaksi asas yang layak merangkumi penyelesaian pelaburan langsung, pendapatan dan pindahan** (cth. bayaran dividen dan kiriman wang pekerja), selain transaksi asas sedia ada yang layak meliputi perdagangan barangan dan perkhidmatan.
    - **Perluasan pengguna yang layak merangkumi individu dari negara yang menjalinkan persefahaman ini yang tinggal di negara asal *(home country).*** Ini bermakna rakyat Indonesia yang berada di Malaysia sekarang boleh mendapatkan manfaat daripada Rangka Kerja ini melalui *appointed*

[1] Tidak termasuk hadiah, geran dan sumbangan.

cross-currency dealers (ACCD) yang dilantik di Malaysia, dan sebaliknya (iaitu, bagi rakyat Malaysia yang berada di Indonesia).

- **Fleksibiliti dasar pertukaran wang asing tambahan** diberikan kepada perniagaan dan individu untuk meningkatkan kecekapan proses dan memudahkan akses kepada ringgit dan rupiah:
    - Bukti melalui dokumen tidak lagi diperlukan untuk transaksi spot pertukaran asing dan urus niaga hadapan di bawah nilai bersamaan dengan USD200,000 untuk setiap transaksi *(sebelum ini: bukti dokumen diperlukan untuk semua transaksi).*
    - Lindung nilai pertukaran asing ke atas asas jangkaan bagi perdagangan, pendapatan dan pindahan dibenarkan sehingga 12 bulan (sebelum ini: lindung nilai sehingga 6 bulan untuk tujuan perdagangan sahaja).
    - Penjualan, pembatalan, penyelesaian awal dan pelanjutan tempoh lindung nilai pertukaran asing dibenarkan untuk perdagangan, pelaburan langsung, pendapatan dan pindahan (sebelum ini: fleksibiliti hanya untuk tujuan perdagangan sahaja).
    - Pembiayaan ringgit atau rupiah kini boleh diperoleh untuk perdagangan dan pelaburan langsung (sebelum ini: pembiayaan hanya untuk tujuan perdagangan sahaja).
- **Pelantikan empat bank tambahan (ACCD) di Malaysia dan Indonesia (daripada 11 kepada 15 bank)** bagi memudahkan penyelesaian transaksi asas yang layak dalam mata wang ringgit dan rupiah antara kedua-dua negara.

Malaysia

- Bank-bank tambahan yang dilantik:
    i. HSBC Bank Malaysia Berhad
    ii. MUFG Bank Malaysia Berhad

- Bank-bank sedia ada:
    i. CIMB Bank Berhad
    ii. Hong Leong Bank Berhad
    iii. Malayan Banking Berhad
    iv. Public Bank Berhad
    v. RHB Bank Berhad

Indonesia

- Bank-bank tambahan yang dilantik:

  i. PT Bank HSBC Indonesia
  ii. MUFG Bank Ltd. cawangan Jakarta

- Bank-bank sedia ada:

  i. PT Bank Rakyat Indonesia (Persero) Tbk
  ii. PT Bank Mandiri (Persero) Tbk
  iii. PT Bank Central Asia Tbk
  iv. PT Bank Negara Indonesia (Persero) Tbk
  v. PT Bank CIMB Niaga Tbk
  vi. PT Bank Maybank Indonesia Tbk

4. Siapakah yang memperoleh manfaat daripada Rangka Kerja ini?

- Dengan perluasan ini, semua peniagaan dan individu Malaysia dan Indonesia yang membuat pembayaran untuk penyelesaian perdagangan barangan dan perkhidmatan, pelaburan langsung, pendapatan dan pindahan akan memperoleh manfaat daripada Rangka Kerja ini. Sebagai contoh, individu rakyat Indonesia yang tinggal di Malaysia kini boleh mengirim wang ke Indonesia melalui bank-bank yang dilantik yang boleh menawarkan terus sebut harga MYR/IDR pada kos yang kompetitif. Ini memperluas saluran kiriman wang sedia ada (termasuk bank-bank dan penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank). Sebelum perluasan ini, hanya rakyat Malaysia dibenarkan melakukan transaksi tersebut melalui bank yang dilantik.

5. Di manakah perniagaan dan individu boleh merujuk sebut harga dalam kadar ringgit atau rupiah?

- Perniagaan dan individu boleh merujuk sebut harga harian MYR/IDR melalui *Refinitiv* dan/atau *Bloomberg* yang disediakan oleh bank-bank yang dilantik. Mereka juga boleh mendapatkan terus sebut harga MYR / IDR daripada bank-bank yang dilantik untuk membeli dan menjual pasangan mata wang *(currency pair)* tersebut.